

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) Punca keterbatasan data jenayah, tenaga dan gender, memandangkan menurut Global Open Data Index 2018, skor Malaysia adalah 0 bagi kategori-kategori tersebut; dan
- (b) Inisiatif Kerajaan memperkemaskan data supaya penambahbaikan dasar berpandukan data terperinci, memandangkan Malaysia berada di kedudukan 69 di GODI.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melaksanakan inisiatif Data Terbuka bermula pada tahun 2014 dengan membangunkan Portal Data Terbuka ([www.data.gov.my](http://www.data.gov.my)) sebagai platform perkongsian Data Terbuka kerajaan dalam kalangan pemilik data (kementerian/agensi sektor awam) dengan pengguna Data Terbuka yang terdiri daripada agensi kerajaan, akademik, industri dan rakyat.

2. Bagi menggalakkan perkongsian data dan memberi panduan berkaitan Prinsip Data Terbuka kepada Kementerian dan agensi sektor awam, MAMPU telah melaksanakan pelbagai aktiviti antaranya seperti mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015, menjadikan penerbitan set data Terbuka sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Generik bagi Penilaian Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) pada tahun 2018 serta mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan dari semasa ke semasa.

3. Sehingga 25 Oktober 2020, sebanyak 13,179 set data berjaya diterbitkan berbanding 2,510 set data pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sebanyak 425% atau 10,669 set data. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 163 set data berkaitan 'Jenayah', 248 set data berkaitan 'Gender' dan 70 set data berkaitan 'Energy' diperoleh melalui carian di Portal Data Terbuka.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

4. MAMPU telah mengguna pakai kriteria penilaian *Open Data Barometer* (ODB) dalam melaksanakan inisiatif Data Terbuka dan Malaysia berada di kedudukan 53 daripada 115 negara pada tahun 2016. Namun, mulai 2017, Malaysia tidak lagi dinilai di bawah ODB berikutan tidak memenuhi syarat di mana hanya negara yang menandatangani *Open Data Charter* atau negara anggota G20 (*Anti-Corruption Open Data Principles*) sahaja dinilai. Bagi penilaian di bawah *Global Open Data Index* (GODI), penilaian bagi Malaysia bermula pada tahun 2014 dan berakhir pada tahun 2016, di mana Malaysia berada di kedudukan 87 daripada 94 negara (Laporan 2016/2017). Mulai 2018, GODI tidak lagi menerbitkan laporan penilaian tahunannya.

5. Selain GODI dan ODB, Malaysia juga dinilai di bawah *Open Data Inventory* (ODIN) yang diterbitkan oleh The Open Data Watch, sebuah *non-profit organisation* yang melihat hubungkait antara Data Terbuka dan statistik kebangsaan. ODIN menilai ketersediaan dan keterbukaan **data perangkaan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia**. Sejak 2015, terdapat 4 laporan ODIN yang telah diterbitkan. Berdasarkan Laporan

## SOALAN NO : 355

Edisi Ke-4 (2018/2019), Malaysia berada dikedudukan 69 daripada 178 negara.

6. Bagi memastikan tahap pelaksanaan Data Terbuka Kerajaan adalah sejajar dengan piawaian antarabangsa, MAMPU menjalinkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti *Open Data Institute (ODI)*, *Open Data Charter (ODC)*, *Open Contracting Partnership (OCP)*, *Asian Open Data Partnership (AODP)* dan Bank Dunia. Hasil usaha tersebut, program Data Terbuka kerajaan ini telah diiktiraf di peringkat Antarabangsa, di mana Malaysia telah berjaya mencapai skor penuh serta antara negara yang menduduki tempat pertama bagi *Open Government Data* dalam penilaian *Online Service Index (OSI)*, *United Nation E-Government Development Index (UN EGDI)* bagi tahun 2020.

7. Untuk rantaian ke hadapan, MAMPU telah memperkenalkan Platform Data Terbuka 2.0 mulai 7 September 2020 dengan menyediakan portal yang lebih interaktif, platform perkongsian data secara *Application Programming Interface (API)* serta ciri pelaporan eksekutif bagi tujuan pemantauan. Platform Data Terbuka 2.0 ini akan dapat meningkatkan kualiti dan bilangan set data kementerian/agensi yang diterbitkan dalam Portal Data Terbuka.

Sekian, terima kasih.